

REBAT 24 JAM

■ Mulai 1 Januari kredit tambah nilai prabayar akan sama dengan harga belian

Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my
Putrajaya

Mulai Jumaat ini, tambah nilai bagi perkhidmatan prabayar akan dijual pada harga asal iaitu pengguna akan menerima RM10 nilai kredit untuk kad yang dibeli dengan harga RM10.

Menurut maklumat yang dipaparkan pada laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), di bawah mekanisme baharu pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bagi perkhidmatan pra bayar, pengguna akan menerima rebat untuk perkhidmatan prabayar yang dikenakan GST, atau bermaksud pengguna akan menerima nilai kredit yang sama dengan harga tambah nilai.

Bagaimanapun, katanya GST sebanyak enam peratus tetap ditolak, kemudian dikembalikan dalam tempoh 24 jam dalam akaun prabayar pengguna sebagai rebat GST.

"Sebagai contoh, apabila pengguna menambah nilai sebanyak RM10, pengguna akan menerima kredit bernilai RM9.43 dan 57 sen (enam peratus) akan dipotong sebagai GST.

"Pengguna, kemudian menerima kembali 57 sen sebagai rebat dalam tempoh 24 jam," katanya.

Menurutnya, mekanisme baharu ini akan berkuat kuasa bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2016.

Katanya, seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ketika pembentangan bajet 2016, rebat GST

“Pengguna tidak perlu mendaftar kerana rebat ini dikreditkan secara automatik. Pengguna juga dinasihatkan supaya mengesahkan ketepatan butiran pendaftaran dengan pembekal perkhidmatan menjelang 1 Januari untuk memastikan mereka layak menerima rebat”

SKMM

hanya diberikan untuk 2016, dan sebarang keputusan untuk melanjutkan tempoh rebat akan dimaklumkan kelak.

"Pengguna tidak perlu mendaftar kerana rebat ini dikreditkan secara automatik kepada pengguna yang layak berdasarkan data senarai pendaftaran pengguna diberi ketika pembelian pakej prabayar.

"Namun, pengguna dinasihatkan supaya mengesahkan ketepatan butiran pendaftaran dengan pembekal perkhidmatan menjelang 1 Januari untuk memastikan mereka layak untuk menerima rebat itu, dan adalah penting untuk pengguna baharu mendaftar menggunakan Mykad atau kad askar atau polis yang sah ketika pendaftaran prabayar," katanya.

Katanya, sebab utama hanya pengguna prabayar yang menerima rebat GST adalah keprihatinan kerajaan yang ingin membantu rakyat yang memerlukan seperti pelajar dan seramai 2.7 juta kumpulan B40 (berpendapatan purata di bawah RM2,537) yang disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Berdasarkan Kaji Selidik Pengguna Telefon Bimbit 2014 yang dijalankan SKMM, pengguna yang golongan tanggungan seperti suri rumah, pesara, pelajar dan penganggur mencaatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 30.7 peratus diikuti mereka yang berpendapatan bawah RM1,000 iaitu 17.4 peratus dan mereka yang berpendapatan antara RM1,000 hingga RM3,000 36.6 peratus.

Menurutnya, pengguna tidak akan dikenakan GST jika mendaftar nombor prabayar baharu kerana tiada yuran pendaftaran dikenakan.

Bagaimanapun, caj GST akan dikenakan terhadap pembelian pek SIM prabayar dan ia termasuk dalam harga pek SIM (termasuk cukai).

"Semua caj telekomunikasi dikenakan GST kecuali caj perayauan yang dikategorikan dalam perkhidmatan berkadar sifar (zero-rated services).

"Bagi pengguna warganegara Malaysia, GST dibayar balik ketika pengaktifan rebat GST, manakala yang bukan warganegara akan menerima pembayaran balik bagi penggunaan perkhidmatan perayauan antarabangsa sahaja," katanya.